

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.5(15)

Tarikh : 04 April 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TANPA PERUNTUKAN TAHUN 2023
MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, **sekatan overbajet OS17000 akan dibuka mulai 10 April 2023 sehingga 21 April 2023** bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) di iGFMAS. Sebagai peringatan, Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) disemak dengan teliti agar tiada kecaciran bagi pegawai yang layak dan bayaran BKK tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul dan tepat bagi pembayaran BKKA ini dengan merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023.

3. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran (K2) iGFMAS ini. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**